

MINIT MESYUARAT
SEMAKAN PENGURUSAN Bil. 1/2025 SPK ISO 9001:2015 UTMDigital

Tarikh : 20 Januari 2025

Masa : 10:00 Pagi – 1:00 Tengah hari

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, UTMDigital, UTM

A: Senarai kehadiran

1. En. Nik Kamal Izuddin bin Nik Ibrahim – Pengerusi
2. Prof. Madya Mohd Shoki bin Md Ariff – Ketua JuruAudit Dalaman
3. En. Jaffar Sidek bin Haron
4. Puan Siti Mariyam binti Mamat
5. Encik Nahizam bin Mohamed Top
6. Encik Mokhles bin Md Sawal
7. Ts. Hj. Azhari bin Ahmad@Salleh
8. Encik Mohd Farid bin Sarji
9. Encik Aris bin Ariffin
10. Encik Mohd Hamri bin Md Yusuf
11. Puan Hjh. Siti Rashidah binti Hashim
12. Puan Azilawati binti Arba'ai
13. Ts. Hjh. Harliza binti Haris
14. Encik Mohd Rozi bin Katmin
15. Encik Ahmad Riza'ain bin Yusof
16. Puan Murni Hariyanti binti Muslim
17. Encik Helmee bin Yaacob
18. Puan Aslinda binti Mohamed Aris
19. Puan Diniha binti Miskam – Setiausaha

B: Tidak Hadir (Dengan Maaf)

1. Tn. Hj. Abd Aziz bin Yaacob
2. Encik Azmi bin Kamis

C: Ucapan Aluan Pengerusi MSP

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul kitab, Al-Fatihah. Pengerusi mengucapkan terima kasih diatas kehadiran staf UTMDigital dalam MSP ini dan merakamkan penghargaan di atas komitmen berterusan dan penglibatan menyeluruh semua staf dalam melaksana dan mengekalkan SPK ISO 9001:2015 UTMDigital. Taklimat Pengerusi mengenai fokus MSP Bil. 1/2025 melibatkan:

- a. Menilai keberkesanan, kecukupan dan kesesuaian SPK ISO 9001:2015 UTMDigital berdasarkan pelaksanaan dan data prestasi SPK serta analisis trend berikut:
 - ii. Data Januari hingga Disember 2024 untuk pelaporan prestasi tahunan SPK kecuali bagi maklumbalas pelanggan yang menggabungkan sebahagian data 2024 dan data SISPA A Januari 2025. Ini disebabkan oleh pelaksanaan SISPA A menggantikan CRM manual.
 - iii. Analisis trend 3 tahun prestasi SPK 2022 – 2024 berdasarkan berdasarkan tahun, bulanan, klasifikasi projek, kategori pelanggan, komponen perkhidmatan dan sebagainya.
 - iv. Penekanan UTM terhadap AI, *Cloud Computing*, data raya, keselamatan siber serta implikasi kepada risiko dan peluang UTMDigital bagi menjamin SPK kekal relevan selari dengan perubahan teknologi.
 - v. Integrasi Pelan Strategi Pendigitalan UTM 2024-2028, JDN/KPT (Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025) di peringkat nasional, *enVision UTM 2025*, Moonshot, UTM Digital Transformation dan Key High-Performance Index (Key HIR) dalam Dasar Kualiti, Objektif Kualiti, SOP dan lain-lain penyampaian perkhidmatan ICT supaya pelaksanaan SPK sejajar dengan hala tuju strategik negara dan UTM.
 - vi. Penerapan keperluan perubahan iklim dalam SPK ISO 9001:2015 berdasarkan surat notifikasi SIRIM 14 Julai 2024, National Climate Change Policy 2.0 dan UTM Sustainability Blueprint 2030.
 - vii. Laporan audit dalaman 2024 dan tindakan ke atas satu Ofi Audit SIRIM 2024.
 - viii. Skop SPK kekal sama iaitu Perkhidmatan ICT kecuali Permohonan Laman Web dikeluarkan kerana dipindahkan OSCA UTM.
- b. Audit Pensijilan Semula ISO 9001:2015 UTMDigital SIRIM ditetapkan pada 24 dan 25 Februari 2025. Berdasarkan komitmen semua staf, prestasi SPK 2024 dan hasil audit dalaman 2024, UTMDigital menjangkakan boleh mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015.

- c. Berdasarkan temuan audit dalam Bil. 1/2024, tiada isu-isu kritikal pelaksanaan SPK ISO 9001:2015 UTMDigital. 1 NCR telah dikeluarkan berkaitan alat pemadam api dan lift serta 6 Ofi yang direkodkan telah diambil tindakan sewajarnya yang menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan SPK dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ICT.
- d. Analisis mengenai konteks organisasi pada Disember 2024/Januari 2025 menunjukkan UTMDigital telah mengambil kira isu-isu luaran menggunakan PESTLE, Climate Change, PSP, isu-isu dalaman UTM dan UTMDigital serta perubahan jangkaan semua pihak berkepentingan. Ini membuktikan SPK terus relevan dengan konteks UTMDigital, mencukupi dan sejajar dengan hala tuju Universiti.
- e. Risiko dan peluang 2024 telah dinilai dan penarafan semula telah dibuat. Identifikasi risiko dan peluang baru telah dibuat berdasarkan analisis PESTLE (termasuk Climate Change) dan isu-isu dalaman seperti dinyatakan dalam Identifikasi Risiko dan Peluang 2025.

D: **Agenda MSP**

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]
1.	Tindakan Susulan daripada MSP yang lepas.	Mesyuarat mengambil maklum mengenai laporan ini dan meminta tindakan yang masih dilaksanakan/berterusan dipantau sehingga selesai.	Staf berkaitan
	Pengerusi memaklumkan bahawa semua tindakan dan perkara berbangkit daripada MSP Bil. 1/2024 telah diambil tindakan/selesai.		
2.	Perubahan isu-isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan SPK ISO 9001:2015 UTMDigital		
	Isu-isu luaran (PESTLE dan Climate Change) dan isu dalaman UTM dan UTMDigital mengikut Sub-Seksyen 4.1 dan semua pihak berkepentingan (4.2) 2024/2025 telah dinilai dan didokumentasikan dalam <i>worksheet</i> ‘Identifikasi Risiko dan Peluang’ 2025. JKIR telah membincangkan isu-isu ini, dan kesannya kepada SPK. Berdasarkan perbincangan ini, JKIR telah menentukan: a. 11 risiko baru b. 4 peluang baru	Mesyuarat menilai isu-isu luaran dan dalaman dan perubahan jangkaan pihak berkepentingan termasuk <i>Climate Change</i> berdasarkan <i>worksheet</i> ‘Identifikasi Risiko dan Peluang 2025’ dan laporan yang	JKIR Disember 2025

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]																								
	c. 3 risiko dan 1 peluang baru berkaitan dengan <i>Climate Change</i> d. 15 tindakan bagi menjamin SPK kekal relevan dengan perubahan isu-isu luaran/dalaman dan pihak berkepentingan sebagaimana dalam <i>worksheet</i> ‘Identifikasi Risiko dan Peluang’ 2025.	dibentangkan JKIR dan bersetuju dengan cadangan 14 risiko baru dan 5 peluang baru serta tindakan-tindakan yang perlu diambil. Berdasarkan usaha ini, mesyuarat merumuskan penyampaian perkhidmatan ICT kekal relevan dengan perubahan yang berlaku, selari dengan prinsip fokus pelanggan/ <i>stakeholders</i> dan orientasi risiko dan peluang yang ditekankan dalam MS ISO 9001:2015.																									
3.	Maklumat prestasi dan keberkesanan SPK termasuk trend pencapaian a. Kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang relevan i. Indeks Kepuasan Pelanggan ≥80% <table><tr><th colspan="8">2024</th></tr><tr><th>Perkhidmatan</th><th>Tempoh Masa tindakan</th><th>Layanan kepada pelanggan</th><th>Kesungguhan membantu</th><th>Memahami kehendak pelanggan</th><th>Memberikan maklumat yang tepat</th><th>Persekitaran Kondusif</th><th>CSI - Perkhidmatan</th></tr><tr><td>Perkhidmatan Pelanggan</td><td>91.48</td><td>92.22</td><td>92.04</td><td>91.67</td><td>92.41</td><td>85.21</td><td>90.84</td></tr></table>			2024								Perkhidmatan	Tempoh Masa tindakan	Layanan kepada pelanggan	Kesungguhan membantu	Memahami kehendak pelanggan	Memberikan maklumat yang tepat	Persekitaran Kondusif	CSI - Perkhidmatan	Perkhidmatan Pelanggan	91.48	92.22	92.04	91.67	92.41	85.21	90.84
2024																											
Perkhidmatan	Tempoh Masa tindakan	Layanan kepada pelanggan	Kesungguhan membantu	Memahami kehendak pelanggan	Memberikan maklumat yang tepat	Persekitaran Kondusif	CSI - Perkhidmatan																				
Perkhidmatan Pelanggan	91.48	92.22	92.04	91.67	92.41	85.21	90.84																				

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]					Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)		Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]	
		Pembangunan Projek ICT	90.79	92.11	92.11	92.11	93.42	91.67	92.03
		Sokongan ICT (majlis)	95.83	95.83	95.83	93.06	94.44	93.06	94.68
		Sistem & Aplikasi	76.11	81.11	80.00	78.89	80.56	75.64	78.72
		UTMWifi	74.26	78.06	78.33	78.06	78.43	78.67	77.63
		Sidang video	92.86	92.86	92.86	92.86	92.86	86.54	91.80
		Perkhidmatan Web	86.25	92.50	91.25	90.00	90.00	90.63	90.10
		Rangkaian wayar	88.64	88.64	89.77	90.91	90.91	90.38	89.87
		CSI Domain Soalan	87.03	89.17	89.02	88.44	89.13	86.47	88.21
		CSI UTMDigital	88.21%						
	Timbalan Pengarah Strategi Digital membentangkan analisis dan penilaian data CSI 2024 iaitu: a. Skor keseluruhan CSI UTMDigital ialah 88.21%. Ini menunjukkan perkhidmatan ICT mencapai tahap kepuasan pelanggan melebihi 80%. b. Skor CSI mengikut Perkhidmatan – 5 perkhidmatan melepasi 80% di mana 4 perkhidmatan melepasi 90%. Ini dapat disimpulkan pelanggan sangat berpuas hati dengan perkhidmatan ICT yang ditawarkan. c. Dua perkhidmatan iaitu UTMWifi 77.63% dan Sistem & Aplikasi 78.72% yang dinilai sebagai pelanggan masih berpuas hati dengan perkhidmatan ini berdasarkan : i. Skor 77.63% dan 78.72% sangat menghampiri standard 80% ii. Maklumbalas dalam ruangan Open ended yang rendah bagi kedua-dua perkhidmatan.						Mesyuarat menilai CSI 2024 dan merumuskan: a. Pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan ICT dengan skor 88.21% b. CSI 6/8 perkhidmatan melepasi 80% dinilai dapat memenuhi kepuasan pelanggan dengan lingkungan skor 89.87% - 94.68% (5 perkhidmatan melepasi 90%).		April 2024 Timbalan Pengarah Strategi Digital [Bajet Pembangunan UTMDigital]

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]
	d. Skor CSI mengikut soalan menunjukkan Tempoh Masa tindakan (87.03%), Layanan kepada pelanggan (88.17%), Kesungguhan membantu (89.02%), Memahami kehendak pelanggan (88.44%), Memberikan maklumat yang tepat 89.13%) dan Persekitaran kondusif (86.47%). Ini membuktikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan ICT yang ditawarkan. e. Bagi Perkhidmatan UTMWifi, skor CSI perkhidmatan dan semua soalan di bawah 80% tetapi menghampiri standard dengan lingkungan 74% - 78% (tahun sebelumnya 71% – 78%). Oleh itu, ia dinilai tidak menjejaskan keseluruhan perkhidmatan UTMWifi dan terdapat peningkatan julat skor CSI. TP telah diambil dan akan dibandingkan dengan data 2025. Analisis trend 2022 - 2024 menunjukkan: a. CSI UTMDigital 88.21% (2024), 89.71% (2023) berbanding 81.69% (2022) di mana ketiga-tiganya melepasi standard. b. 6/8 perkhidmatan melepasi 80% dan dinilai sangat baik. c. Perkhidmatan Sistem & Aplikasi 78.72% akan dibandingkan dengan data 2025 kerana ia baru dimasukkan pada 2024. d. Perkhidmatan UTMWifi di bawah 80% untuk ketiga-tiga tahun. Borang TP telah dikeluarkan dan TP telah diambil untuk 2024 iaitu <i>Additional internet coverage expansion for academic & administration building (Phase 3)</i> dan 2025 iaitu projek RMK12 RP5 pertukaran peralatan Wifi. e. Dari segi CSI mengikut soalan, semua perkhidmatan melepasi 80% kecuali UTMWifi. TP bagi UTMWifi telah diambil dan dijangka skor CSI mengikut soalan akan meningkat pada 2025.	c. Bagi UTMWifi dinilai dapat memenuhi keperluan pelanggan berdasarkan skor 77.67% (keseluruhan) dan 5 soalan melebihi 78%. Analisis Punca dan TP telah diambil dan dijangka dapat meningkat CSI UTMWifi. d. CSI Sistem & Aplikasi Analisis 78.72% berbanding standard 80% dinilai masih memenuhi kepuasan pelanggan kerana 100% sistem aplikasi yang dibangunkan menepati spesifikasi teknikal dan masa. e. Trend 2022 – 2024 juga menunjukkan UTMDigital dapat memenuhi kepuasan pelanggan secara konsisten iaitu a. Keseluruhan melepasi 80% untuk 3 tahun berturut-turut. b. 6 perkhidmatan melepasi 80% untuk 3 tahun berturut-turut. c. CSI soalan juga melepasi 80% kecuali UTMWifi.	

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]									
		d. UTMWifi dinilai menghampiri standard dan dengan TP yang diambil dijangka akan meningkatkan CSI 2025 Secara keseluruhannya, mesyuarat merumuskan UTMDigital menawarkan tahap perkhidmatan ICT berprestasi tinggi yang dapat memenuhi tahap kepuasan pelanggan.										
	i. Maklum balas pihak berkepentingan yang relevan <table><tr><th>Pihak berkepentingan</th><th>Maklum balas</th><th>Tindakan</th></tr><tr><td>NRES / SIRIM / OSHE</td><td>Mempertimbangkan perubahan iklim dalam SPK</td><td>SPK telah dikemaskini memasukkan isu-isu perubahan iklim, Dasar Perubahan Iklim Negara, Sustainability Blueprint UTM</td></tr><tr><td>Pelajar</td><td> - Penghargaan perkhidmatan Wifi dan layanan yang baik dan pantas - Sambungan Wifi / kapasiti di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Komputeran, Kolej Dato On, Fakulti Sains. - Penambahbaikan UTMSmart </td><td> - Makluman - Perluasan liputan Wifi UTM di bangunan akademik dan pentadbiran utama. - Akan ditambahbaik untuk UTMSmart 2025 </td></tr></table>			Pihak berkepentingan	Maklum balas	Tindakan	NRES / SIRIM / OSHE	Mempertimbangkan perubahan iklim dalam SPK	SPK telah dikemaskini memasukkan isu-isu perubahan iklim, Dasar Perubahan Iklim Negara, Sustainability Blueprint UTM	Pelajar	- Penghargaan perkhidmatan Wifi dan layanan yang baik dan pantas - Sambungan Wifi / kapasiti di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Komputeran, Kolej Dato On, Fakulti Sains. - Penambahbaikan UTMSmart	- Makluman - Perluasan liputan Wifi UTM di bangunan akademik dan pentadbiran utama. - Akan ditambahbaik untuk UTMSmart 2025
Pihak berkepentingan	Maklum balas	Tindakan										
NRES / SIRIM / OSHE	Mempertimbangkan perubahan iklim dalam SPK	SPK telah dikemaskini memasukkan isu-isu perubahan iklim, Dasar Perubahan Iklim Negara, Sustainability Blueprint UTM										
Pelajar	- Penghargaan perkhidmatan Wifi dan layanan yang baik dan pantas - Sambungan Wifi / kapasiti di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Komputeran, Kolej Dato On, Fakulti Sains. - Penambahbaikan UTMSmart	- Makluman - Perluasan liputan Wifi UTM di bangunan akademik dan pentadbiran utama. - Akan ditambahbaik untuk UTMSmart 2025										

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]		Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]
	Fakulti AI	Keperluan sistem/infra berkaitan AI	Menubuhkan <i>task force</i> dan kerjasama dengan agensi luar (Google, Kaspersky Anti-Virus, Oracle dan Cisco).	
	HEPA/Kerajaan	Profiling Pelajar B40 bagi tujuan penyaluran bantuan dan lain-lain	Membangunkan sistem Student Profiling: Students Income Classification (B40)	
	Staf Akademik	- AI di dalam e-Learning, service learning - Penghargaan terhadap perkhidmatan UTMDigital - Pemilihan waktu data migration perlu elakkan masa pengajaran.	- Memperkenalkan AI dalam e-Learning yang menambah pengalaman pembelajaran pelajar menggunakan AI. - Makluman - Migrasi data dan penyelenggaraan di luar waktu pejabat, musim peperiksaan dan waktu puncak.	
	Warga Kampus	Menerapkan digital lifestyle dalam pengurusan dan operasi kerja yang berintegrasi	Pemantapan features UTMSmart – Human Resource, UTM Libarry, Financial, Academic dan UTM Health	
	KPT / Biro Pengaduan Awam	Menggunakan SISPAA dalam pengurusan maklum blas pelanggan.	Telah menggunakan SISPAA mulai Februari 2025, ujian penggunaan November - Disember 2024.	
	Pengurusan UTM (Majlis Bersama NC)	- Segmen cabaran iaitu teknologi AI, nilai kemanusiaan dan kewibawaan insan. - Pelan Tindakan 2024: <i>enVission Moon Shot transformative journey (Transformative digital)</i>	- Pendigitalan semua sistem utama aplikasi universiti dan perkhidmatan secara berperingkat - Perlaksanaan inisiatif PSP UTM 2024-2028	
	Amanat Pendaftar	Transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan Universiti.	Pelancaran PSP dan perlaksanaan strategik program dan inisiatif pendigitalan kampus secara komprehensif dan bersepadu.	

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]		Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]
	Bendahari	Menaiktaraf sistem kewangan bersepadu yang baru termasuk melaksanakan kaedah pembayaran tanpa tunai (<i>Cashless</i>) sepenuhnya.	Dimasukkan dalam Projek Pembangunan Aplikasi 2025-2026.	
	WP membentangkan maklum balas signifikan dari pihak berkepentingan dan tindakan yang diambil seperti dalam Jadual di atas. Maklumbalas dalam bentuk aduan dan permohonan diuruskan mengikut SOP UTMDigital/DDA/01 dan SOP UTMDigital/DDA/12.		Mesyuarat mengambil maklum laporan ini dan tindakan-tindakan pembaikan yang diambil. Usaha ini menjadikan SPK kekal relevan dan dapat memenuhi keperluan pelanggan secara berterusan.	Staf berkaitan Berterusan
	a. Tahap pencapaian objektif kualiti/Indeks Prestasi SPK ISO 9001:2015 UTMDigital			
	OQ 1.1.1: Indeks Kepuasan Pelanggan ≥80% Pencapaian objektif ini dilaporkan di Para 3 (a)		-	-
	OQ 1.1.2: <i>Security incidents denied – High & Severe Attack Protected ≥ 99%</i> Ketua Seksyen DDS melaporkan pencapaian S/D seperti berikut: 1. Terdapat total 16 483 880 High & Severe Attack. Daripada jumlah ini, 16 482 443 berjaya di sekat. Oleh itu, pencapaian OQ ini ialah 99.99% yang dinilai sebagai sistem keselamatan <i>firewall</i> berjaya menghalang sebarang ancaman. 2. Manakala 1437 kes berkemungkinan sebagai false alarm atau valid traffic. Analisis DDS mengesahkan tiada impak kepada sistem operasi universiti. Tiada sebarang insiden keselamatan yang major berlaku terhadap rangkaian dan kebanyakan serangan komputer		Berdasarkan laporan Ketua Seksyen 1 - 3 mesyuarat menilai dan memutuskan a. tahap keselamatan adalah sangat tinggi iaitu 99.99% yang menunjukkan tiada isu keselamatan yang kritikal dan boleh menjejaskan operasi dan	Ketua Seksyen DDS 2025

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]
	seperti Malicious Attack, DDOS dan yang lain-lain berjaya dihalang menggunakan perkakasan keselamatan seperti <i>Web Application Firewall</i> (WAF) dan <i>Intrusion Prevention System</i> (IPS). 3. Bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan <i>firewall</i> dan kemungkinan ancaman melepasi <i>firewall</i>, tindakan berikut akan diambil. 3.1. Bagi aplikasi dan sistem pengoperasian yang terdedah dengan serangan vulnerable, Unit Keselamatan ICT mengambil langkah dengan membuat isolasi terhadap aplikasi dan sistem pengoperasi yang berkenaan dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan seperti menaiktaraf patch yang terkini dan juga menginstall Endpoint Secure bertujuan pemantauan, mengawal dan meminimumkan serangan. 3.2. Meneruskan kerja-kerja instalasi 203 endpoint security (EDR) pada server-server yang masih belum diinstall. 3.3. Menambah pemantauan ke atas 73 server licenses yang masih belum dipantau oleh CyberGuardian. 3.4. Berdasarkan "Bersenjatakan teknologi terkini, penjenayah siber kini menggunakan alatan AI (kecerdasan buatan) untuk menggodam kata laluan, membocorkan maklumat dan menipu pengguna, mengakibatkan pelanggaran data dan kerugian kewangan," - Sistem keselamatan rangkaian telah dinaiktaraf menggunakan teknologi Network Detection and Response (NDR) yang merangkumi komponen <i>Cyber Command</i>, <i>Cyber Guardian</i>, <i>Web Application Firewall</i> dan <i>Endpoint Secure</i>. Berdasarkan analisis di atas, keselamatan ICT UTM dan pengguna dinilai terjamin dan tiada kemungkinan <i>firewall</i> gagal menghalang serangan ke atas peralatan ICT. Analisis trend menunjukkan skor <i>SI</i> kekal melepasi 98% untuk 2019 – 2024. Oleh itu, Ketua Seksyen DDS merumuskan kawalan keselamatan ICT adalah terjamin dan mampu mengawal pencerobohan.	penyampaian perkhidmatan ICT. b. Sistem <i>firewall</i> sedia ada dinilai berkeupayaan menghalang pencerobohan menunjukkan keselamatan ICT adalah terkawal. Oleh itu pengguna akan terus mendapat perkhidmatan ICT tanpa isu-isu keselamatan dan menjamin sistem, data, infra, perisian dan sebagainya yang sentiasa selamat digunakan. c. Langkah-langkah proaktif yang dilaporkan di para 3 boleh menghalang ancaman keselamatan mengambilkira perkembangan AI dan teknologi ICT.	

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]																																										
	OQ 1.1.3: System Availability – 98% Berdasarkan analisis <i>system availabilty</i>, Ketua Seksyen DDA melaporkan: a. Kebolehcapaian perkhidmatan ICT 2024 ialah 98% iaitu menyamai standard 98%. Pencapaian ini disebabkan ketersediaan <i>Disaster Recovery</i> di UTM Kuala Lumpur yang akan meneruskan <i>up time system</i> apabila berlaku sebarang gangguan. b. Trend pencapaian 2019 -2024 menunjukkan tahap kebolehcapaian ini adalah $\geq 98\%$ dan dinilai sangat tinggi. c. Tiada isu-isu kritikal yang dijangka boleh menjejaskan kebolehcapaian perkhidmatan ICT 2024 yang akan menjamin system availability yang tinggi kepada semua pengguna. <table><tr><td>System</td><td>2019</td><td>2020</td><td>2021</td><td>2022</td><td>2023</td><td>2024</td></tr><tr><td>Availability</td><td>99.56%</td><td>99.12%</td><td>98%</td><td>100%</td><td>99%</td><td>98%</td></tr></table>	System	2019	2020	2021	2022	2023	2024	Availability	99.56%	99.12%	98%	100%	99%	98%	Mesyuarat menilai data prestasi <i>system availability</i> dan merumuskan: a. Bagi 2024, ketersediaan sistem adalah ditahap sangat tinggi, iaitu $\geq 98\%$. b. Data 2019 – 2024 juga menunjukkan semua perkhidmatan ICT termasuk sistem aplikasi, rangkaian, emel dan capaian data dapat diakses berterusan (98% dan ke atas) yang menjamin ketersediaan perkhidmatan yang terbaik daripada UTMDigital.	Ketua Seksyen DDA Berterusan [Bajet mengurus UTMDigital]																												
System	2019	2020	2021	2022	2023	2024																																							
Availability	99.56%	99.12%	98%	100%	99%	98%																																							
	OQ 1.2.1: Permohonan Kemudahan ICT – 100% mengikut SLA Kemudahan Perkhidmatan ICT UTMDigital																																												
	<table><tr><td>Bil</td><td>Kemudahan ICT</td><td>SLA</td><td>Bilangan Permohonan</td><td>$\leq$ SLA</td><td>$\geq$ SLA</td><td>% Pencapaian</td></tr><tr><td>1</td><td>Permohonan ID Staf Baru</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td>i - UTMID</td><td rowspan="3">≤ 3 hari</td><td rowspan="3">163</td><td rowspan="3">133</td><td rowspan="3">30</td><td rowspan="3">100</td></tr><tr><td></td><td>ii – Emel rasmi</td></tr><tr><td></td><td>iii – sistem UTMHR dan UTMFin</td></tr><tr><td>2</td><td>Permohonan Emel Kumpulan/Emel Khas</td><td>≤ 3 hari</td><td>194</td><td>179</td><td>16</td><td>100</td></tr><tr><td>3</td><td>Permohonan:</td><td>L1 ≤ 8 Jam</td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>						Bil	Kemudahan ICT	SLA	Bilangan Permohonan	$\leq$ SLA	$\geq$ SLA	% Pencapaian	1	Permohonan ID Staf Baru							i - UTMID	≤ 3 hari	163	133	30	100		ii – Emel rasmi		iii – sistem UTMHR dan UTMFin	2	Permohonan Emel Kumpulan/Emel Khas	≤ 3 hari	194	179	16	100	3	Permohonan:	L1 ≤ 8 Jam				
Bil	Kemudahan ICT	SLA	Bilangan Permohonan	$\leq$ SLA	$\geq$ SLA	% Pencapaian																																							
1	Permohonan ID Staf Baru																																												
	i - UTMID	≤ 3 hari	163	133	30	100																																							
	ii – Emel rasmi																																												
	iii – sistem UTMHR dan UTMFin																																												
2	Permohonan Emel Kumpulan/Emel Khas	≤ 3 hari	194	179	16	100																																							
3	Permohonan:	L1 ≤ 8 Jam																																											

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]				Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)			Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]
		i. Database	L2 1 - 3 Hari	986	986	0	100	
		ii. Business Intelligence	L3 > 3 - 7 Hari	7	7	0	100	
4		Permohonan VPN Khas	≤ 5 hari	34	34	0	100	
5		Permohonan laman web	≤ 10 hari	5	5	0	100	
6		Permohonan ID Sementara Wifi (guest acc)	≤ 5 hari	215	215	0	100	
7		Permohonan	≤ 5 hari					
		i. Akaun Webex (Akaun Gunasama PTJ)		4	4	0	100	
		ii. Akaun Webex (Staf Akademik)		97	86	11	88.7	
8		Permohonan pelepasan IP/port/ services dari firewall	≤ 5 hari	12	12	0	100	
9		Permohonan server / Permohonan storan (NFS/Samba)	≤ 5 hari	73	73	0	100	
		Permohonan DNS	≤ 5 hari	70	70	0	100	
10		Permohonan QR Code VOIP	≤ 5 hari	54	50	4	92.6	
11		Permohonan VC	≤ 5 hari	111	111	0	100	
12		Permohonan Perkhidmatan Teknikal ICT	≤ 5 hari	65	65	0	100	
	Analisis dan penilaian prestasi kemudahan ICT dibentangkan oleh KS DDA seperti berikut: a. 10/12 kategori permohonan ICT merekodkan pencapaian 100% mengikut SLA. Ini menunjukkan pelanggan menerima kemudahan ICT dalam masa yang ditetapkan dan menjamin kelancaran operasi mereka. b. Permohonan akaun Webex (staf akademik) ialah 88.7% iaitu 11 daripada 97 permohonan di luar SLA ≤ 5 hari. Pencapaian ini dinilai tidak menjejaskan operasi pelanggan kerana semua akaun Webex telah sedia dan boleh digunakan. bagi mengelakkan ketakakuran atau prosesan melebihi 5 hari berulang, TP telah dibuat dan penilaian keberkesanannya dibuat Mac 2025 kerana melibatkan penggunaan SISPAА mulai 1 Mac 2025. c. Permohonan QR VOIP ialah 92.6%. 4 diselesaikan diluar SLA dan dinilai tidak menjejaskan operasi pelanggan kerana dapat dipantau apabila permohonan dibuat melalui SISPAА. TP tidak dibuat kerana diselesaikan melalui penggunaan SISPAА. d. Trend pencapaian 100% mengikut SLA dicapai bagi perkhidmatan VC dan Perkhidmatan Teknikal ICT.				Mesyuarat menilai prestasi kemudahan ICT dan merumuskan a. 10/12 kategori permohonan 100% mengikut SLA yang dapat menjamin pelanggan mendapat kemudahan ICT untuk operasi mereka. b. Pencapaian 88.87% akaun Webex masih tinggi dan TP yang diambil dijangka boleh mencapai SLA ditetapkan. TP dilapor dalam JKIR. c. Pencapaian 92.6% dinilai masih tinggi dan isu 4 diluar SLA dapat			Disember 2025 [Bajet UTMDigital DDA] JKIR / TP 30 Mac 2025

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]																																																																																		
		di atasi melalui penggunaan SISPAA. Mesyuarat memutuskan analisis trend dibuat mulai 2026 bagi kesemua permohonan kemudahan ICT menggunakan data SISPAA																																																																																			
	OQ 1.2.2: Khidmat sokongan teknikal ≤ 5% gangguan																																																																																				
	<table><tr><th rowspan="2">Tahun</th><th rowspan="2">Jenis kemudahan</th><th rowspan="2">Jumlah permohonan</th><th rowspan="2">Tiada gangguan</th><th colspan="4">Gangguan (semasa upacara berjalan)</th></tr><tr><th>VC Terputus</th><th>Network Down</th><th>System down</th><th>Alatan x berfungsi</th></tr><tr><td rowspan="3">2022</td><td>Video Conferencing</td><td>144</td><td>144</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td>Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)</td><td>36</td><td>36</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>180</td><td>180</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td rowspan="3">2023</td><td>Video Conferencing</td><td>161</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td>Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)</td><td>36</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>197</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td rowspan="3">2024</td><td>Video Conferencing</td><td>111</td><td>111</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td>Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)</td><td>65</td><td>65</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>176</td><td>176</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr></table>							Tahun	Jenis kemudahan	Jumlah permohonan	Tiada gangguan	Gangguan (semasa upacara berjalan)				VC Terputus	Network Down	System down	Alatan x berfungsi	2022	Video Conferencing	144	144	0	0	0	0	Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)	36	36	0	0	0	0	JUMLAH	180	180	0	0	0	0	2023	Video Conferencing	161	0	0	0	0	0	Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)	36	0	0	0	0	0	JUMLAH	197	0	0	0	0	0	2024	Video Conferencing	111	111	0	0	0	0	Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)	65	65	0	0	0	0	JUMLAH	176	176	0	0	0	0
Tahun	Jenis kemudahan	Jumlah permohonan	Tiada gangguan	Gangguan (semasa upacara berjalan)																																																																																	
				VC Terputus	Network Down	System down	Alatan x berfungsi																																																																														
2022	Video Conferencing	144	144	0	0	0	0																																																																														
	Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)	36	36	0	0	0	0																																																																														
	JUMLAH	180	180	0	0	0	0																																																																														
2023	Video Conferencing	161	0	0	0	0	0																																																																														
	Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)	36	0	0	0	0	0																																																																														
	JUMLAH	197	0	0	0	0	0																																																																														
2024	Video Conferencing	111	111	0	0	0	0																																																																														
	Perkhidmatan Teknikal ICT (Program Univ)	65	65	0	0	0	0																																																																														
	JUMLAH	176	176	0	0	0	0																																																																														
	Analisis pencapaian OQ ini ialah: a. 111 majlis melibatkan video conferencing dan 65 perkhidmatan teknikal ICT. Semua upacara Universiti telah dapat dilaksanakan tiada gangguan, tiada VC terputus, network down, system	Mesyuarat menilai analisis pencapaian OQ ini dan memutuskan kedua-dua perkhidmatan adalah	Ketua Seksyen DDA berterusan																																																																																		

BIL	Agenda & Analisis (Termasuk Trend) & Penilaian SPK di peringkat pemilik proses/Bahagian [LAPORAN/LAMPIRAN]	Analisis/ Penilaian Data SPK di peringkat MSP & Perbincangan/Keputusan (Termasuk perubahan & peningkatan SPK)	Sasaran/ Tanggung jawab [SUMBER]
	down & alatan tidak berfungsi. Ini menunjukkan perkhidmatan sokongan ICT telah membantu operasi pelanggan. b. Trend yang sama iaitu perkhidmatan sokongan ICT tanpa gangguan juga direkodkan bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.	berkesan dan menyokong upacara pelanggan / universiti.	
	OQ 1.3.1: Masa penyelesaian Aduan (Hari/Jam Bekerja) DDA – CRM ≤ 5 Hari		

OQ 1.3.1 : Masa penyelesaian Aduan (Hari/Jam Bekerja)

DDA – CRM / DDI / DDA (DC) / DDS / URUSETIA				DDA – Wifi					DDA – Data					DDS – LAMAN WEB				
Bil. Aduan	≤ 5 Hari	> 5 Hari	%	Aduan	Bil.	SLA ≤	SLA >	%	Aduan	Bil.	SLA ≤	SLA >	%	ADUAN	BIL	SLA ≤	SLA >	%
4600	4600	0	100	P1 ≤ 4JAM	0	0	0	0	P1 ≤ 8 JAM	298	298	0	100	P1 ≤ 4JAM	59	52	7	88.1
				P2 ≤10 JAM	0	0	0	0	P2 ≤ 3 HARI	496	496	0	100	P2 ≤10 JAM	0	0	0	100
				P3 ≤ 48 JAM	2504	2504	0	100	P3 ≤ 7 HARI	199	199	0	100	P3 ≤ 48 JAM	0	0	0	0
				JUMLAH	2504	2504	0	100	JUMLAH	993	993	0	100	JUMLAH	59	52	0	88.1

Ketua Seksyen DDA membentangkan laporan aduan ICT 2024 iaitu:

- 4600 aduan (DDA - CRM) telah diterima dan kesemuanya diselesaikan dalam masa 5 hari.
- DDA – Wifi melibatkan 0 (P1 ≤ 4JAM), 0(P2 ≤10 JAM), dan 2504/2504 (P3 ≤ 48 JAM). Pencapaian adalah 100%. Oleh itu, penyelesaian aduan DDA -Wifi dinilai berkesan.
- DDA – Data melibatkan 298/298 (P1 ≤ 8 JAM), 496/496 (P2 ≤ 3 HARI) dan 199/199 (P3 ≤ 7 HARI). Oleh itu kesemua 993 aduan telah Berjaya diselesaikan mengikut SLA.

Mesyuarat menilai laporan ini dan memutuskan:

- Pengendalian aduan disemua bahagian dapat menyelesaikan

Ketua Seksyen DDA
Jan 2026
[Bajet UTMDigital]

	d. DDS – Laman Web melibatkan 52/59 ($P1 \leq 4$ JAM) dan tiada aduan P2 dan P3. Oleh itu pencapaian pengendalian aduan laman web 88.8%. 7 aduan P1 telah diselesaikan diluar SLA dan dinilai tidak menjejaskan operasi pelanggan kerana pelanggan lewat memberi maklum balas yang diminta. TP tidak diperlukan kerana bersifat ad-hoc dan bergantung kepada respon pelanggan. e. Keseluruhan pengendalian aduan UTMDigital dinilai sebagai sangat baik berdasarkan: - DigitalCare/DDA (DC)/DDS/URUSETIA dan DDS-Wifi (Biztrack) di tahap 100%. - DDS – Laman Web 7 aduan diluar SLA di luar SLA dinilai tidak menjejaskan operasi pelanggan. TP tidak dibuat kerana urusan aduan laman web dipindahkan ke OSCA. f. Analisis aduan Digitalcare mengikut trend akan dibuat mulai Januari 2025 kerana SISPAAP dapat mengeluarkan data maklumbalas pelanggan (aduan/permohonan / pertanyaan/ penghargaan/Cadangan) secara terperinci seperti mengikut pelanggan, SLA, jenis aduan dan sebagainya. g. Analisis trend aduan DDA – Data dan DDA – Wifi telah dibentang dan tiada isu kritikal yang menjejaskan penyampaian ini kerana aduan bersifat aktiviti rutin dan operasi.	permasalahan pelanggan. - Pengendalian aduan diluar SLA bagi laman web tidak dibuat kerana laman web telah dipindahkan ke OSCA. - Keseluruhan pengendalian aduan UTMDigital juga dinilai berkesan kerana berjaya menyelesaikan permasalahan pelanggan. Mesyuarat menetapkan analisis trend aduan hendaklah dibuat mulai 2025 kerana data dapat disediakan melalui SISPAAP dan BizTrack.	
	PENGURUSAN PROJEK ICT UNTUK TRANSFORMASI DIGITAL YANG EFEKTIF OQ 2.1: Pematuhan spesifikasi teknikal (Projek ICT) – 100% Timbalan Pengarah Bahagian Strategi Digital (DDS) membentangkan Statistik Projek Siap pada tahun 2024 yang merangkumi Projek Infrastruktur ICT, Infostruktur ICT dan Strategik ICT di mana ianya berpandukan Teras Strategik 4 iaitu Transformasi Pengalaman Hidup Menerusi Pemerkasaan Ilmu Pengetahuan dan Kepercayaan serta Keutamaan Strategik 7, iaitu Memupuk Budaya Kerja Berasaskan Data yang Berkebolehppercayaan Tinggi terhadap Teknologi dalam Pelan Strategi enVision UTM 2025.	Berdasarkan laporan pengurusan projek ICT yang dibentangkan, mesyuarat merumuskan: 27 projek ICT yang siap 2024 mematuhi sepenuhnya spesifikasi teknikal dan masa. - Pematuhan spesifikasi teknikal dan masa bagi 27	TP DDS [Bajet Pembangunan] Berterusan

Analisis pencapaian projek 2024 dan trend 2023 – 2024 menunjukkan:

- a. Jumlah keseluruhan projek yang terlibat 2024 adalah 39 iaitu 29 projek pembangunan infostruktur (sistem/aplikasi), 8 projek pembangunan infrastruktur ICT dan 2 projek pembangunan strategik ICT.
- b. Sebanyak 19 projek pembangunan infostruktur (sistem/aplikasi) adalah 100% siap dan mematuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan. Projek infostruktur (sistem/aplikasi) pada tahun 2024 adalah merupakan fasa ketiga bagi pembangunan keseluruhan projek dalam Pelan Strategik enVision UTM 2025.
- c. Sebanyak 7 dari 8 projek pembangunan infrastruktur ICT telah disiapkan 100% dan memenuhi spesifikasi teknikal projek yang ditetapkan.
- d. Sebanyak 1 dari 2 projek strategik digital telah disiapkan 100% dan memenuhi spesifikasi teknikal projek yang ditetapkan.
- e. 12 projek ICT masih dalam pelaksanaan dan mengikut deliverable (rujuk Para Pemantauan Projek ICT).
- f. Analisis trend 2023 - 2024 menunjukkan semua projek infostruktur (sistem) telah diselesaikan pembangunannya dan sebahagian projek infrastruktur ICT telah disiapkan dan mematuhi spesifikasi teknikal dan masa.

projek ICT berada di tahap 100% (2024).

- c. Pencapaian 2024 dan trend 2023 - 2024 menunjukkan keberkesanan pengurusan dan pemantauan projek ICT iaitu mencapai tahap minima 80% penyempurnaan projek mengikut masa di bawah objektif kualiti bagi Pengurusan Projek ICT Yang Efektif. Ini membuktikan tahap pematuhan tinggi kepada *deliverables* projek, keupayaan menguruskan risiko projek dengan baik dan UTMDigital berupaya membangunkan projek mengikut keperluan pelanggan.
- d. Pemantauan dan prestasi ini perlu dikekalkan secara berterusan bagi menjamin penerusan kelancaran operasi pelanggan.

Projek ICT	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Jumlah keseluruhan projek	87	100	20	32	36	39
Bilangan Projek Siap	50	47	14	26	30	27
Projek Siap Mengikut Tempoh Masa	47	37	14	26	30	27

Peratus Projek Siap Mengikut Tempoh Masa	94%	79%	100%	100%	100%	100%
Projek Siap Memenuhi Spesifikasi Teknikal	50	47	14	26	30	27
Peratus Projek Siap Memenuhi Spesifikasi Teknikal	100%	100%	100%	100%	100%	100%

QQ 2.2: Penyempurnaan projek mengikut tempoh masa (Projek ICT) – 80%

- Berdasarkan Jadual QQ 2.1, Jumlah keseluruhan projek terlibat 2024 adalah 39 iaitu 29 projek pembangunan aplikasi, 8 projek pembangunan infrastruktur dan 2 projek strategik ICT. Sebanyak 27 projek ICT telah siap dilaksanakan pada tahun 2024. Kesemua projek (100% > standard 80%) dapat disiapkan dalam tempoh masa *deliverable* projek.
- Trend juga menunjukkan keupayaan menyempurnakan projek mengikut tempoh masa masih di dalam sasaran objektif kualiti yang ditetapkan iaitu melebihi 80% dalam penyempurnaan projek mengikut masa walaupun terdapat sedikit penurunan peratusan bilangan projek yang diselesaikan pada tahun 2024 atas faktor-faktor yang telah dinyatakan seperti para QQ 2.1 di atas.

Berdasarkan data 2024 yang dibentangkan, mesyuarat merumuskan kesemua 27 projek ICT dapat disempurnakan mengikut tempoh masa yang dipersetujui pelanggan. Pencapaian ini sangat tinggi kerana pematuhan masa agak sukar dalam pengurusan projek. Trend 2023 – 2024 juga menunjukkan keupayaan tinggi menguruskan projek ICT mengikut masa kontrak. Prestasi ini menunjukkan UTMDigital berjaya memenuhi perancangan operasi pelanggan dan kelancaran perkhidmatan mereka.

TP DDS
[Bajet Pembangunan]
Berterusan

QQ 2.3: Pemantauan projek mengikut “deliverable” 100%

Laporan pencapaian – rujuk para pemantauan projek.

Rujuk Para pemantauan projek

OQ 3.1: Staf UTMDigital mengikuti program pembangunan kepakaran digital – 80%

	Kategori Staf UTMDigital	Bilangan Staf Skim F	Staf Skim F Yang Hadir Sekurang-kurangnya 1 Program Pembangunan Diri/ Latihan	
			Bilangan	Peratus
2021	Kumpulan A (Gred 41 – 54)	43	34 (5 termasuk on the job training)	79% (91%)
	Kumpulan B (Gred 29 – 40)	45	34 (6 termasuk on the job training)	76% (89%)
	Kumpulan C (Gred 19 – 28)	10	7 (3 termasuk on the job training)	70% (100%)
	JUMLAH	98	71 (14 termasuk on the job training)	72% (87%)
2022	Kumpulan A (Gred 41 – 54)	52	50	96%
	Kumpulan B (Gred 29 – 40)	52	45	87%
	Kumpulan C (Gred 19 – 28)	10	8	80%
	JUMLAH	114	103	90%
2024	Kumpulan A (Gred 41 – 54)	57	51	89%
	Kumpulan B (Gred 29 – 40)	73	62	85%
	Kumpulan C (Gred 19 – 28)	11	9	81%
	Jumlah	141	122	87%

Mesyuarat menilai laporan ini dan memutuskan:

- pencapaian program pembangunan kepakaran digital sangat baik kerana membantu universiti mencapai enVision 2025 termasuk UTM *Digital Lifestyle*.
- Fokus hendaklah juga diberikan kepada pembangunan kepakaran AI dan Cloud Computing.
- Mesyuarat mengingatkan penilaian keberkesanan latihan hendaklah dibuat secara berterusan dan dipantau bagi memastikan 100% dinilai.

Penolong Pendaftar dan DDS Dis 2025

[Bajet latihan Pejabat Pendaftar, UTM & Bajet mengurus UTMDigital]

	Ketua Unit Latihan/ Penolong Pendaftar melaporkan program pembangunan kepakaran digital 2024 berkaitan OQ 3.1 iaitu: - Semua staf Skim F dan kumpulan A, B dan C melepasi standard 80% (Kumpulan A- 89%, Kumpulan B – 85% dan Kumpulan C – 81%) menghadiri latihan secara formal dalam bidang kerja termasuk on the job training. Ini termasuklah “<i>End-Point Secure</i>” dan “<i>Cyber Command</i>”, <i>Digital Artificial Intelligence (Ai) Modul 2 - Advanced NIP Using Python</i>. - Pencapaian ini adalah konsisten dibandingkan 2022 iaitu 96% (A), 87% (B) dan 80% (C) dan 90% staf skim F. - Trend pencapain 2021 – 2024 juga menunjukkan pencapaian yang sama >80%. Penilaian keberkesanan latihan dibuat secara berterusan dalam tempoh tiga ke enam bulan mengikut tarikh kehadiran dalam program pembangunan kepakaran digital. Keseluruhannya ia menunjukkan kesan latihan yang positif kepada kompetensi staf.	Mesyuarat menilai laporan ini dan memutuskan: - pencapaian program pembangunan kepakaran digital sangat baik kerana membantu universiti mencapai envision. 2025 dan PSP 2024-2028. - Fokus Latihan 2025 hendaklah diberikan kepada pembangunan kepakaran staf untuk menjayakan PSP seperti AI dan <i>Cloud Computing</i>, <i>Cyber Security</i>, AI dalam perubahan iklim dan sebagainya. - Mesyuarat mengingatkan penilaian keberkesanan latihan hendaklah dibuat secara berterusan dan dipantau bagi memastikan 100% dinilai.	Penolong Pendaftar dan DDS Dis 2025 [Bajet latihan Pejabat Pendaftar, UTM & Bajet mengurus UTMDigital]
	OQ 4.1 (a): <i>Threshold server, Storage</i> dan Peralatan Pusat Data - <80% tahap penggunaan Untuk tahun 2024, Threshold server, storage dan peralatan pusat data kekal <80%. Sumber server bagi penyediaan pelayan maya masih kekal dibawah 50% disepanjang tahun 2024. Sumber storage (NFS/SAMBA) bagi penyediaan ruang penyimpanan fail juga masih kekal dibawah 50% bagi tahun 2024.	Mesyuarat mengambil maklum bahawa tahap penggunaan server, storan dan peralatan Pusat Data adalah di bawah 50% bagi menjamin storage dan lain-lain sentiasa tersedia untuk pelanggan menggunakannya	Ketua Seksyen DDA Berterusan [Bajet Pembangunan RMK12 RP2]

		dalam menjamin perkhidmatan terbaik dari UTMDigital.	
	OQ 4.1 (b): Parameter rangkaian - <90% Sepanjang tahun 2024, secara purata penggunaan maksimum internet di UTM Johor Bahru adalah sekitar 4.0Gbps (maksimum bandwidth adalah 20Gbps) dan 0.5Gbps (maksimum bandwidth adalah 10Gbps) bagi UTM Kuala Lumpur. UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur masih berada pada tahap penggunaan <90 disepanjang tahun 2024. Tiada insiden yang menyebabkan gangguan kritikal kepada perkhidmatan internet di UTM Johor Bahru dan UTM Kuala Lumpur dan penggunaan masih di paras rendah dan tidak melebihi 90% jumlah keseluruhan bandwidth sedia ada. Trend 2020 - 2024 menunjukkan tahap penggunaan dibawah paras <90% sentiasa dipantau dan penggunaan kekal dibawah 90%.	Mesyuarat mengambil maklum prestasi penggunaan maksimum internet yang kekal dibawah <90%. Prestasi ini penting untuk membolehkan pengguna mengakses perkhidmatan UTMDigital melalui <i>capability</i> rangkaian yang tinggi. Oleh itu pengguna kekal dapat mengakses perkhidmatan UTMDigital dengan laju. Sekiranya penggunaan menghampiri parameter, penambahan Gbps akan dibuat.	Ketua Seksyen DDA Berterusan [Bajet PembangunanUTMDigital]
	OQ 4.1 (c): Back-up dan restore – 100% Bagi tahun 2024, proses backup dijalankan secara harian mengikut jadual yang telah ditetapkan. Proses backup ini direkodkan di dalam log khas untuk tujuan semakan dan pemantauan. Rekod back-up dan restore 2024 menunjukkan 100% telah dibuat.	Mesyuarat mengambil maklum prestasi ini dan meminta ia dikekalkan sepanjang masa. Ini menjamin keselamatan dan ketersediaan data pengguna sepanjang masa.	Ketua Seksyen DDA Berterusan

	OQ 4.1 (d): Pelaksanaan <i>Disaster Recovery</i> – 100% Ketua Seksyen DDA melaporkan DRC UTM telah pun tersedia dan berfungsi di UTMDigital Kuala Lumpur yang mempunyai talian terus ke production site di UTMDigital Johor Bahru. Sistem-sistem utama universiti telah dibuat sandaran ke UTM Kuala Lumpur. Sandaran ini, melibatkan pangkalan data, storan unified dan sistem aplikasi. Ini menunjukkan DRC telah dilaksanakan di tahap 100%.	Mesyuarat mengambil maklum laporan ini yang menunjukkan pelaksanaan DRC UTM di tahap 100% yang menyumbang kepada keselamatan dan ketersediaan data pengguna secara berterusan.	Ketua Seksyen DDA [Bajet Pembangunan UTMDigital] Disember 2025
	OQ 4.1 (e): Keselamatan sistem – 100% memenuhi spesifikasi keselamatan UTMDigital Keselamatan ke atas sistem baharu ke <i>production</i> dan sistem sedia ada diuji dari masa ke masa dan diluluskan oleh Unit Keselamatan ICT UTMDigital. Bagi tahun 2024, pengujian telah dibuat dan disahkan menepati 100% spesifikasi UTMDigital. Usaha ini menjadikan semua sistem aplikasi di UTM memenuhi kawalan keselamatan dan berupaya menangkis serangan dan ancaman siber, virus, penggadam dan sebagainya.	Mesyuarat mengambil maklum pencapaian OQ/ prestasi ini yang menjamin semua sistem aplikasi selamat digunakan oleh pengguna dan mengawal ancaman siber semasa.	Ketua Seksyen DDS Berterusan
